

01/04/2002

Zon terhad dilaksana jika lalu lintas makin sesak

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan hanya memperkenalkan kawasan zon terhad jika kesesakan lalu lintas di ibu kota semakin buruk.

Bagaimanapun, pada masa ini kerajaan mempunyai banyak pilihan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia.

Antara langkah yang pernah dan masih giat dilakukan DBKL termasuk kempen berkongsi kenderaan kepada warga kota, mempertingkatkan serta membaikpulih jalan raya serta memperbaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam dari semasa ke semasa.

"Buat masa ini kita ada pilihan lain. Kita tidak melihat perkara ini yang dibuat di Singapura sebagai satu pilihan kerana idea mengenainya masih dilihat sebagai idea terapung.

"Kita masih banyak pilihan mengatasi kesesakan lalu lintas, termasuk membina dan menambah lebuh raya alternatif dan terowong, selain mempertingkatkan dan menambah kemudahan pengangkutan awam sedia ada," katanya hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan khas akhbar The New Straits Times hari ini berhubung pelaksanaan zon terhad di beberapa kawasan bagi mengelakkan kesesakan jalan raya.

Melalui cadangan pelaksanaan zon terhad itu, pemandu kenderaan persendirian perlu membayar jumlah tertentu kepada DBKL bagi membolehkan kenderaan terbabit masuk di beberapa kawasan sesak.

Ia dilihat sebagai langkah paling berkesan mengurangkan kenderaan yang masuk ke bandar raya pada waktu puncak, iaitu sebanyak 1.5 juta kenderaan sedangkan tempat letak kereta hanya mampu memuatkan 87,000 kenderaan. Sistem yang sama turut digunakan di negara lain, termasuk Singapura dan Hong Kong.

Pandikar Amin juga berkata, DBKL sudah memulakan kempen gotong royong di kawasan penjaja Jalan Petaling dengan kerjasama penjaja dan Alam Flora untuk mengurangkan kos pembersihan sampah.

Langkah yang sama juga akan diperkenal sekitar Jalan Chow Kit dan Jalan Masjid India tidak lama lagi.

Mengenai pembangunan kawasan sekitar KL Sentral dan Brickfields, beliau berkata pelan induk DBKL bagi pembangunan keseluruhan kawasan terbabit sudah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apabila tiba masa sesuai, kita akan maklumkan rancangan pembangunan kawasan ini kepada orang ramai untuk input selanjutnya," katanya.

(END)